

26/09/2001

Rakyat diajak tolak budaya politik kasar, ganas

Misiah Taib

KUCHING, Selasa - Rakyat Sarawak yang akan keluar mengundi Khamis ini perlu menunjukkan kepada pembangkang, mereka tidak mahu budaya politik kasar dan ganas dibawa masuk ke negeri ini.

Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, berkata rakyat negeri ini sebaliknya perlu terus bersatu, menegakkan politik perpaduan dan pembangunan yang selama ini dijadikan landasan kerajaan memajukan Sarawak.

"Tunjukkan kita tidak mahu cara politik keras dan kasar yang cuba dibawa masuk oleh pembangkang ke Sarawak, pada pilihan raya kali ini.

"Kita perlu tegakkan kembali politik kita supaya menggambarkan bahawa perjuangan sebenar kita adalah mahukan kesinambungan pembangunan dan keharmonian," katanya.

Pengerusi Barisan Nasional (BN) Sarawak itu berkata, demikian ketika berucap di Majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Stadium Perpaduan, Petra Jaya, di sini, malam tadi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Pengerusi BN, menjadi tetamu kehormat pada majlis berkenaan.

Sejak merdeka dalam Malaysia kata Abdul Taib, kerajaan sudah cuba menyusun politik Sarawak agar menggambarkan perpaduan dan keazaman rakyatnya untuk mengecapi kemajuan lebih pesat.

Namun sejak beberapa tahun lalu katanya, politik negara ini mula dicabar, termasuk oleh golongan yang cuba mengajar rakyat negara ini supaya tidak perlu berterima kasih kepada sesama manusia, sebaliknya hanya berterima kasih kepada Tuhan saja.

Ajaran ini katanya, meruntuhkan kepercayaan dan budaya Melayu yang dipertahankan sejak beratus-ratus tahun lamanya.

"Siapa yang tak kenal adat Melayu yang menjunjung tinggi budi. Oleh itu pantang sekali kita mendengar ada orang yang sengaja menjadikan agama sebagai cara untuk mengelirukan rakyat.

"Mereka ini dengki, kerana tidak dapat membangunkan negeri sendiri, mereka datang ke sini, untuk mengajar kita supaya tidak berterima kasih dan tidak mengenang budi orang yang berjuang untuk kita selama ini," katanya.

Inilah kata Abdul Taib, caranya mereka mahu meraih simpati pengundi, sehubungan itu, rakyat Sarawak perlu menolak budaya mereka ini.

Katanya, ada juga pembangkang yang sejak daripada pilihan raya Parlimen lalu lagi, mendakwa kerajaan menipu rakyat dan merampas tanah rakyat.

"Rakyat termasuk penduduk di Kampung Bintawa, dihasut supaya meminta pampasan tanah berjuta-juta ringgit dan tidak mengikut harga pasaran, iaitu perkara yang mustahil dapat dilakukan oleh mana-mana kerajaan sekali pun.

(END)